



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PRA PELANCARAN FESTIVAL BUNGA DAN
TAMAN DIRAJA PUTRAJAYA 2024**

18 JULAI 2024

**MONUMEN ALAF BAHARU
PRESINT 2, PUTRAJAYA**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bagi menjayakan Majlis Pra Pelancaran Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2024 atau lebih dikenali dengan nama Royal Floria Putrajaya 2024.
2. Tahniah saya ucapkan kepada Perbadanan Putrajaya kerana sekali lagi mewarnai Putrajaya dengan kemeriahhan festival bunga dan taman bertaraf antarabangsa ini yang telah menjadi salah satu jenama utama dalam sektor pelancongan negara.

**PENGANJURAN ROYAL FLORIA
PUTRAJAYA BERTEPATAN DENGAN
SEMANGAT BULAN KEBANGSAAN**

Para hadirin sekalian,

3. Bagi saya, Royal Floria Putrajaya yang telah memasuki kali ketiga belas penganjurannya ini amat bertepatan dengan matlamat perancangan dan pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berkonsepkan '*intelligent garden city*' dengan menggabungkan elemen moden, pintar dan alam semula jadi serta diwarnai dengan kepelbagaian flora yang terdapat di Malaysia.

4. Festival ini bukan sahaja menyajikan keindahan bunga dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di dalam dan luar negara kepada para pengunjungnya, malah turut menambah seri keindahan seni bina Putrajaya yang tersergam megah dengan keunikan dan cirinya yang tersendiri.

5. Bertemakan ‘Raikan Bersama’ atau ‘*Celebrate Together*’, penganjuran Royal Floria Putrajaya 2024 dari 22 Ogos hingga 1 September 2024 ini amat bertepatan dengan semangat merayakan Bulan Kebangsaan, apatah lagi Putrajaya sekali lagi akan menjadi tuan rumah bagi Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

6. Saya difahamkan, festival ini telah disusun atur untuk menempatkan lebih 30 lokasi pameran taman dengan penyertaan daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, agensi korporat, swasta, persatuan dan pengusaha bunga serta sekolah dan institusi pengajian tinggi, sekaligus akan menjanjikan satu reka bentuk pameran taman yang lebih menarik di tapak penganjurannya iaitu di Presint 2 ini nanti.

7. Saya percaya, dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh semua pihak, Royal Floria Putrajaya 2024 ini mampu mencapai satu tahap yang lebih tinggi dalam melonjakkan semula ekonomi terutama industri nurseri dan pembungaan di Malaysia.

8. Pada tahun ini, kita pilih bunga Petunia sebagai bunga tema. Sehubungan itu, festival ini akan mempamerkan lebih 700 ribu bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan pelbagai warna dan guna yang saya percaya, pasti ada di antaranya tidak pernah kita lihat sebelum ini.

SASARAN LEBIH 1 JUTA PENGUNJUNG KE ROYAL FLORIA PUTRAJAYA

Para hadirin sekalian,

9. Penganjuran acara besar dan bertaraf antarabangsa seperti ini membuktikan komitmen yang berterusan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan melalui agensinya, Perbadanan Putrajaya, untuk terus membangun dan memajukan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya contoh yang mampan dan sejahtera, ceria dan bertenaga, serta mampu memenuhi keperluan sosio ekonomi warga dan pengunjungnya.

10. Saya melihat pengajuran Royal Floria Putrajaya ini selari dan menyokong kelestarian aspek pelancongan, sosio ekonomi dan alam sekitar selaras dengan aspek yang ditekankan dalam 6 fokus utama Pelan Hala Tuju Wilayah Persekutuan, melalui kluster Sejahtera @ WP.

11. Dengan kepelbagaian tarikan dan kemudahan, Putrajaya berpotensi besar sebagai destinasi pelancongan yang wajib dilawati termasuk menerusi komponen penganjuran acara. Berdasarkan data tahun 2023 yang lalu, seramai 3.2 juta pengunjung acara telah direkodkan mengunjungi pelbagai acara di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa yang dilangsungkan di Putrajaya iaitu kenaikan lebih 50 peratus berbanding 2 juta pengunjung yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu tahun 2022.

12. Jumlah kehadiran pengunjung ke Royal Floria Putrajaya juga sangat menggalakkan sepanjang penganjurannya membuktikan bahawa festival ini merupakan salah satu *signature event* dan produk pelancongan negara yang dinantikan. Saya difahamkan seramai lebih 1 juta pengunjung telah direkodkan bagi penganjuran Royal Floria Putrajaya yang lalu, iaitu pada tahun 2022. Sehubungan itu, pada penganjuran kali ini, saya menasarkan lebih 1 juta pengunjung akan hadir ke acara ini.

PUTRAJAYA TIGA DEKAD SEBAGAI BANDAR DALAM TAMAN

Para hadirin sekalian,

13. Tidak dinafikan, Putrajaya sememangnya telah berjaya dibangunkan sebagai sebuah Bandar Dalam Taman sebagaimana konsep serta pelan induk perancangan dan pembangunannya. Namun, setelah hampir tiga dekad dibangunkan, aspek penyelenggaraan perlulah diberi lebih perhatian.

14. Dalam hal ini, saya menyeru kepada Perbadanan Putrajaya untuk sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan kecekapan. Tahap kompetensi yang tinggi sangat diperlukan bagi mengekalkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan bukan sahaja terhadap penganjuran festival seperti Royal Floria Putrajaya ini, tetapi juga dalam menyelenggara landskap dan taman-taman awam yang telah dibina begitu indah di Putrajaya.

15. Dengan kepakaran dan kompetensi warga kerja Perbadanan Putrajaya, kita mampu memastikan landskap Putrajaya ditambahbaik menerusi program-program pengindahan bandar, program membungakan jalan-jalan utama selain program penghijauan Putrajaya. Iaiya bukan sahaja dapat mengekalkan Putrajaya sebagai sebuah bandar dalam taman, malah lebih penting lagi adalah untuk memastikan warganya sentiasa bekerja dan tinggal dalam persekitaran yang berkualiti, mengamalkan gaya hidup sihat dengan keselesaan dan ketenangan minda.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

16. Walaupun penganjuran Royal Floria Putrajaya ini telah bertapak lama dan telah pun mengukuhkan jenamanya, namun selaras dengan konsep ‘Islah’ atau penambahbaikan berterusan sepermata yang sering dipesan oleh YAB Perdana Menteri, “there is always a room for improvement”.

17. Sehubungan itu, kita mestilah membuktikan pada dunia bahawa kita mampu meletakkan Putrajaya dalam kalendar pesta bunga-bungaan di peringkat dunia serta setanding dengan penganjuran pesta bunga-bungaan dan taman yang dianjurkan oleh negara-negara lain seperti negara-negara Eropah, Australia, Jepun dan Amerika Syarikat. Justeru, semua aspek perancangan dan pengurusan pengajuran Royal Floria Putrajaya perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi merealisasikan misi ini.

18. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di atas sokongan dan kerjasama padu yang berterusan dalam aspek pembangunan dan pemasaran sektor pelancongan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

19. Akhir kata, sekali lagi ucapan terima kasih dan tahniah kepada Perbadanan Putrajaya serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran festival ini nanti. Semoga usaha murni ini diberkati dan memberi manfaat kepada kita semua serta akan melonjakkan status negara dalam kalender pelancongan dunia.

20. Dengan lafaz yang mulia
Bismillahirrahmanirrahim, saya
menyempurnakan pra pelancaran
Festival Bunga dan Taman Diraja
Putrajaya 2024 atau Royal Floria
Putrajaya 2024.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.